

9 hb September, 19

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan.


SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 13/1986

**Cuti Rehat dan Cuti Sakit Untok Orang-orang Yang Menjalankan
Tugas Dibawah Seksyen 13(3) Akta Perubatan 1971**

Mengikut Seksyen 13(3) Akta Perubatan 1971, orang-orang yang mempunyai kelulusan dalam perubatan yang tidak dinyatakan dalam Jadual II Akta Perubatan 1971 dikehendaki bertugas dalam perkhidmatan jawatan perubatan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah selama tempoh tidak kurang dari 2 tahun dalam pekerjaan atau pekerjaan-pekerjaan dalam perkhidmatan awam yang ditetapkan dari semasa kesemasa. Surat pekeliling ini bertujuan menerangkan peraturan tentang cuti rehat dan cuti sakit bagi orang-orang tersebut kerana terdapat kekeliruan tentang perkara ini.

2. Dengan ini Pengarah-Pengarah adalah diingatkan bahawa orang-orang yang menjalankan tugas dibawah Seksyen 13(3) hanya layak diberi cuti rehat mengikut peraturan sekarang. Cuti-cuti lain seperti cuti sakit dan cuti bersalin hendaklah dibayar balik dengan cara melanjutkan tempoh bertugas dibawah Seksyen 13(3). Perakuan melanjutkan tempoh bertugas dibawah Seksyen 13(3) hendaklah dikemukakan kepada pejabat ini.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan.
YB Setiausaha Parlimen.
Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian
Pegawai Kanan Perhubungan Awam.